KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	14.06.22	MUKA SURAT	:	35
JABATAN	:	TNB			

Penduduk terkejut lihat buaya berjemur di tali air



SEEKOR buaya berjemur di tebing tali air dekat Taman Sungai Isap Jaya di Kuantan semalam.

KUANTAN – Penduduk di sekitar Taman Sungai Isap Jaya di sini terkejut dengan kemunculan seekor buaya tembaga yang berjemur selama hampir dua jam di tebing tali air di kawasan perumahan itu semalam.

Reptilia sepanjang lebih tiga meter itu dilihat di tebing belakang kebun pisang kira-kira pukul 8 pagi sebelum turun semula ke dalam air.

Abdul Rahim Othman, 62, berkata, dia menyedari kehadiran buaya itu ketika sedang bersarapan di sebuah warung berhampiran bersama rakan-rakan.

"Kami semua terkejut dengan kemunculan buaya itu dan mengambil kesempatan merakam gambar dan video.

"Saya sendiri pernah melihat buaya di tali air ini, namun saiznya lebih kecil.

"Mengikut cerita-cerita penduduk di sini, berkemungkinan terdapat tiga ekor buaya lagi di dalam tali air itu kerana ada yang pernah melihat buaya lebih besar daripada ini," katanya.

Menurutnya, penduduk berharap pihak berkuasa dapat menangkap dan memindahkan buaya terbabit ke tempat asalnya kerana dikhuatiri akan mengancam keselamatan mereka.

"Saya dimaklumkan kemungkinan buaya ini terperangkap di dalam tali air ini selepas pihak berkuasa membina perangkap sampah di hujung tali air yang menghubungkan Sungai Belat di sini.

"Walaupun setakat ini belum ada kes penduduk diserang buaya, namun kami tetap bimbang kerana reptilia itu adalah haiwan buas," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Pahang, Rozidan Md. Yasin berkata, tali air berkenaan bersambung dengan Sungai Kuantan yang menjadi antara habitat reptilia berkenaan.

Katanya, Perhilitan akan melakukan pemantauan bagi memastikan keselamatan orang ramai.